

MEDIA STATEMENT

FOR IMMEDIATE RELEASE

IDEAS Announces CEO Transition: Farewell and Welcome

Kuala Lumpur, 12 August 2024: The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) announces that Dr Tricia Yeoh will be stepping down from her role as CEO at the end of September 2024. She has served IDEAS as Chief Operating Officer, Fellow and then finally CEO, over the last 11 years, and will be transitioning to a new role in academia after her tenure at IDEAS.

Under her leadership, IDEAS significantly expanded its influence and public policy impact by fostering strong relationships with numerous networks and partners, working in the areas of democracy and governance, public finance, economics and business, and social policy. A notable achievement was the establishment of the All-Party Parliamentary Group on Political Financing that IDEAS is Secretariat of, which advocates for essential political financing reforms, and that drafted Malaysia's first ever version of a Political Financing Bill. Under her watch, IDEAS has achieved remarkable financial sustainability, marking the best performance in its history.

Reflecting on her journey with IDEAS, Dr Tricia said, "The 11 years that I spent in IDEAS have been the most rewarding of my professional life. IDEAS has had a tremendous impact on my career in public policy and political studies. IDEAS has been an amazing platform that provided me an opportunity to expand my knowledge and experience in the fields of public policy research and advocacy, management and team-building. I am also thankful to IDEAS for having sponsored my doctoral studies. For all this, I will always be grateful."

"IDEAS continues to be the best organisation in Malaysia for anyone who is interested in pursuing independent public policy research and making a difference. The organisation has undergone tremendous change and transformation from its earliest days, all for the better and in keeping with the context of each phase. I believe that leadership change is good for organisational renewal. I extend my heartfelt thanks to the Board, our funders, and partners who have made my time as CEO at IDEAS over the last four years the outstanding experience it has been. I would like to personally thank my team members who have worked alongside me so tirelessly - I could not have achieved such success at IDEAS if not for them. It has truly been an honour for me to lead this incredible team," added Dr Tricia.

The Board of Directors is pleased to announce that beginning 16 September, Aira Azhari, current Senior Manager of Advocacy and Events will be succeeding Tricia as the Acting CEO of IDEAS. Aira has been with IDEAS for almost nine years, starting as a Research Executive in 2016 after finishing her Master of Laws from the London School of Economics and Political Science. Aira has contributed immensely to IDEAS' growth over the years, particularly in her work championing institutional reforms, and more recently, leading and transforming IDEAS' advocacy and events team, boosting IDEAS' profile and credibility with important stakeholders. Aira has also been a frequent and trusted analyst of politics and current affairs, having represented IDEAS in both local and international media.

Aira shared her enthusiasm about the new role, stating, "It is an incredible honour and privilege to be entrusted with leading an organisation as important as IDEAS. The crucial role IDEAS plays in building a Malaysia that upholds liberty and justice for all is a responsibility I take very seriously, and I look forward to working with my excellent colleagues in advancing public policy discourse in this country. I am also grateful to the Board for their trust and support throughout this transition process and beyond. To Tricia, I am thankful for the exemplary leadership she has shown us all, and I wish her all the very best in her future journey."

YAM Tunku Zain Al-'Abidin ibni Tuanku Muhriz, Founding President of IDEAS and Chairman of the Board, commented, "The Board thanks Tricia for her exceptional leadership and dedication which has propelled IDEAS forward in numerous ways. I have enjoyed working with her over the past decade and I know she will excel in her next role. We are excited to welcome Aira, who we believe will build upon Tricia's legacy and lead IDEAS to new heights."

IDEAS remains steadfast in its commitment to improving public policy and building a better Malaysia for all. We thank Dr Tricia Yeoh for her outstanding contributions and wish her success in her future academic endeavours.

[ENDS]



Dr Tricia Yeoh handing over the IDEAS Wau to incoming CEO, Aira Azhari

For enquiries, please contact:

Ryan Panicker

Assistant Manager, Advocacy and Events

ryannesh@ideas.org.my

About IDEAS

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia's first independent think tank, free of personal interests and partisan influences.

For more information, visit www.ideas.org.my

KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

IDEAS Umumkan Peralihan Ketua Pegawai Eksekutif

Kuala Lumpur, 12 Ogos 2024: Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) telah mengumumkan bahawa Dr Tricia Yeoh akan meletakkan jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif pada akhir September 2024, selepas 11 tahun berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Operasi, Felo, dan akhirnya Ketua Pegawai Eksekutif. Dr Tricia akan beralih ke peranan baru dalam bidang akademik selepas tempoh beliau di IDEAS.

Di bawah kepimpinan beliau, IDEAS telah memperluas pengaruh dan impak terhadap dasar awam, menjalin hubungan kukuh dengan rangkaian dan rakan kongsi dalam bidang seperti demokrasi dan tadbir urus, kewangan awam, serta dasar ekonomi dan sosial. Antara pencapaian penting beliau adalah penubuhan Kumpulan Rentas Parti Parlimen (KRPPM) mengenai Pendanaan Politik, di mana IDEAS bertindak sebagai Sekretariat, memperjuangkan reformasi pendanaan politik yang penting dan merangka versi pertama Rang Undang-Undang Pendanaan Politik di Malaysia. Di bawah kepimpinan beliau, IDEAS telah mencapai kestabilan kewangan dan mencatat prestasi terbaik dalam sejarah.

Mengulas mengenai tempoh perkhidmatan beliau di IDEAS, Dr Tricia berkata, "11 tahun yang saya habiskan di IDEAS adalah yang paling memuaskan dalam kehidupan profesional saya. IDEAS telah memberi impak besar terhadap kerjaya saya dalam dasar awam dan kajian politik. IDEAS telah menjadi platform yang luar biasa yang memberikan saya peluang untuk mengembangkan pengetahuan dan pengalaman dalam penyelidikan dan advokasi dasar awam, pengurusan, dan pembinaan pasukan. Saya juga berterima kasih kepada IDEAS kerana telah menaja pengajian kedoktoran saya. Saya akan sentiasa bersyukur untuk semua ini".

"IDEAS berterusan menjadi organisasi terbaik di Malaysia bagi sesiapa yang berminat untuk menjalankan penyelidikan dasar awam yang bebas dan membuat perubahan. Organisasi ini telah mengalami perubahan dan transformasi yang besar sejak zaman awalnya, semuanya ke arah yang lebih baik dan selaras dengan konteks setiap fasa. Saya percaya bahawa perubahan kepimpinan adalah baik untuk pembaharuan organisasi. Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Lembaga Pengarah, para pendana, dan rakan kongsi kami yang menjadikan tempoh saya sebagai Ketua Pegawai Eksekutif di IDEAS satu pengalaman yang luar biasa. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih secara peribadi kepada ahli pasukan saya yang telah bekerja bersama saya tanpa jemu—saya tidak mungkin mencapai kejayaan ini di IDEAS tanpa mereka. Saya amat berbangga atas peluang menerajui pasukan hebat ini," tambah Dr Tricia.

Lembaga Pengarah dengan sukacitanya mengumumkan bahawa mulai 16 September, Aira Azhari, Pengurus Kanan Advokasi dan Program, akan menggantikan Dr Tricia sebagai Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif IDEAS. Beliau telah bersama IDEAS selama hampir sembilan tahun, bermula sebagai Eksekutif Penyelidikan pada tahun 2016 selepas menamatkan Ijazah Sarjana Undang-Undang dari *London School of Economics and Political Science*. Sepanjang tempoh tersebut, Aira telah menyumbang kepada pertumbuhan IDEAS, terutamanya dalam memperjuangkan reformasi institusi. Baru-baru ini, beliau telah mengetuai serta mengubah pasukan Advokasi dan Program IDEAS, meningkatkan profil dan kredibiliti IDEAS dengan pihak berkepentingan utama. Aira juga telah menjadi penganalisis yang dipercayai mengenai politik dan hal ehwal semasa, mewakili IDEAS dalam media tempatan dan antarabangsa.

Menyatakan kegembiraannya tentang peranan baharu ini, Aira berkata, "Ia adalah satu penghormatan dan keistimewaan yang luar biasa untuk diamanahkan memimpin organisasi sepenting IDEAS. Peranan penting yang dimainkan oleh IDEAS dalam membina Malaysia yang menjunjung kebebasan dan keadilan untuk semua adalah tanggungjawab yang saya ambil serius, dan saya tidak sabar untuk bekerjasama dengan rakan sekerja saya yang cemerlang dalam memajukan wacana dasar awam di negara ini. Saya juga berterima kasih kepada Lembaga Pengarah atas kepercayaan dan sokongan mereka sepanjang proses peralihan ini dan seterusnya. Kepada Dr Tricia, saya bersyukur atas kepimpinan teladan yang telah beliau tunjukkan kepada kami semua, dan saya mengucapkan selamat maju jaya dalam perjalanan masa hadapannya."

YAM Tunku Zain Al-'Abidin ibni Tuanku Muhriz, Presiden Pengasas IDEAS dan Pengerusi Lembaga Pengarah, mengulas, "Lembaga Pengarah berterima kasih kepada Dr Tricia atas kepimpinan dan dedikasi yang luar biasa yang telah membawa IDEAS maju dalam pelbagai cara. Saya telah menikmati tempoh bekerja dengannya selama dekad yang lalu, dan saya tahu beliau akan cemerlang dalam peranan seterusnya. Kami teruja untuk menyambut Aira, yang kami percaya akan meneruskan legasi Dr Tricia dan membawa IDEAS ke tahap yang lebih tinggi."

IDEAS tetap komited untuk memperbaiki dasar awam dan membina Malaysia yang lebih baik untuk semua. Kami mengucapkan terima kasih kepada Dr Tricia Yeoh atas sumbangan cemerlang beliau dan mendoakan kejayaan dalam kerja akademik masa hadapannya.

[TAMAT]



Dr Tricia Yeoh menyerahkan Wau IDEAS kepada CEO baharu, Aira Azhari

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Ryan Panicker

Penolong Pengurus, Advokasi & Program

ryannesh@ideas.org.my

Tentang IDEAS

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bukan berasaskan keuntungan, mengkhususkan kepada mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam, menumpukan kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang berdaya saing, memastikan keyakinan dalam institusi, dan mempromosikan sebuah negara Malaysia yang merangkumi semua. IDEAS merupakan badan pemikir bebas pertama Malaysia, tanpa kepentingan peribadi serta pengaruh berpihak.

Untuk maklumat lanjut, lawati www.ideas.org.my